

# Keseimbangan kuasa isu utama konflik Asia Barat

## Pertumpahan darah mudah tercetus apabila golongan kecil rasa terpinggir

**P**ersoalan keseimbangan kuasa masih menjadi isu utama di Asia Barat hari ini. Hal ini perlu menjadi aspek penelitian dan keprihatinan berterusan semua warga Muslim semasa. Pergelutan terbaru di Yaman misalnya adalah manifestasi terbaru persoalan ini. Beberapa tahun sebelumnya, manifestasinya tergambar dalam fenomena yang dikenali 'Arab Spring' atau revolusi rakyat pada musim bunga. Jika ditinjau ke belakang lagi, pelbagai kemelut lain sudah disaksikan sejarah sepanjang abad ke-19 dan ke-20 di Asia Barat. Semua kemelut ini kebanyakannya berbentuk pertumpahan darah dan kerugian harta benda yang amat besar. Ingatan kita terhadap kesan peperangan di Iraq dan Afghanistan sebelumnya sungguh menghibakan sehingga kini.

Dalam wacana ilmiah, ada hipotesis yang mengatakan punca seluruh pergelutan dan pertumpahan darah itu tidak dapat dielak kerana ia adalah tabiat orang Arab. Sifat semula jadi mereka yang terbina dalam situasi perkelompokan kabilah yang berbeza adalah dasar permasalahan ini. Hipotesis ini mempunyai logiknya, namun ia ditolak. Asas penolakan bersandarkan kepada kefahaman iaitu kehidupan berasaskan kabilah ialah tabiat sosial yang tidak semestinya membawa kepada keburukan. Tabiat sosial ini juga mengandungi aspek positifnya terutama tujuan memelihara kebajikan dan kesejahteraan warga secara lebih tersusun. Ia tidak mendorong kepada permusuhan dan kebencian sosial kepada golongan lain kecuali oleh penganut fahaman kabilah yang melampau.

### Kepemimpinan tidak telus

Jika faktor tabiat sosial tidak memberi sumbangan utama kepada kemelut di Asia Barat itu, apa lagi puncanya? Ada pendapat lain yang melihat ia disebabkan faktor pengamalan model kepemimpinan politik yang tidak telus. Ketidaktelusan kepemimpinan adalah satu dari permasalahan utama yang cuba untuk ditangani oleh pengkaji politik semasa apabila mereka mula memperdebatkan istilah 'good governance' atau 'tadbir urus dan tatakelola kepemimpinan yang baik' sebagai pendekatan pemerintahan teladan masa kini.

Kebanyakan negara di Asia Barat ketika ini, pendekatan pemerintahan dan model kepemimpinan bersifat mutlak. Realiti ini diwarisi sejarah politik dan budaya yang panjang dan rumit di rantau itu. Perhubungan Asia Barat dengan perkembangan geopolitik dunia yang digerakkan pelbagai pertembungan kuasa besar sejak beberapa dekad sebelum ini juga mempengaruhi pembentukan model politik ini.

Model politik mutlak ini barangkali sesuai diamalkan ketika masyarakat Asia Barat terpaksa berdepan dengan pelbagai

ancaman keselamatan dari pergelutan kuasa dunia masa lalu, misalnya ketika terjadinya 'perang dingin' di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union pada era 1970-an dan 80-an. Model kepemimpinan mutlak ini bersifat tertutup di mana ia bergantung pada suatu punca kuasa yang wajib ditaati sepenuhnya tanpa dipersoalkan.

### Buka ruang lebih terbuka

Namun, peralihan zaman dan perkembangan kematangan masyarakat Asia Barat sejak dekad terakhir ini memperlihatkan model pemerintah mutlak dan tertutup tidak lagi sesuai. Peralihan zaman membuka ruang kepada perhubungan lebih luas dan proses interaksi pembelajaran dinamik, menjadikan persoalan ketelusan dalam urus tadbir pemerintahan sebagai persoalan penting yang menjadi prinsip baharu dalam proses tatakelola dan tadbir urus pemerintahan. Jika kepemimpinan mutlak menjadi sebuah tesis yang diterima pada masa lalu, kini mula dilihat dan dirasakan sebagai hambatan kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara di Asia Barat. Masa depan kesejahteraan Asia Barat ialah pengamalan sebuah model kepemimpinan bercorak telus dan terbuka.

Banyak pendorong kepada berkembangnya wacana mengenai ketelusan pemerintahan di Asia Barat hari ini. Antaranya tuntutan ruang yang lebih luas untuk rakyat berpartisipasi dalam urus tadbir kepemimpinan. Ia juga boleh difahami sebagai sebuah projek intelektual bagi memastikan terlaksananya sebuah keseimbangan kuasa dalam sistem pemerintahan. Menerusi keseimbangan kuasa yang disepakati, ia menjadi asas dan sandaran ke arah pembentukan sebuah tatakelola atau tadbir urus yang baik demi pencapaian kesejahteraan Asia Barat yang menyeluruh.

Penekanan mengenai sistem pemerintahan yang telus dilihat jalan keluar kepada keamanan di Asia Barat. Ruang keseimbangan yang bakal diberikan oleh ketelusan kepemimpinan akan mengikis faktor yang boleh mencetuskan pergelutan dalam pelbagai aspek kehidupan. Pengalaman masa lalu jelas menunjukkan pemerintahan mutlak tidak telus tidak sahaja menutup ruang penambahbaikan evolusi pembangunan yang sihat, malah mudah terdedah kepada eksploitasi dan penyalahgunaan kuasa. Ini juga mendorong terjadinya fenomena ketidakseimbangan kuasa politik, sosial dan ekonomi. Dalam situasi sebegini, kemelut dan pertumpahan darah mudah tercetus apabila golongan kecil dan lemah mula berasaskan mereka terpinggir dan dianiayai.



**DR MUHAMAD RAZAK IDRIS**

rencana@bh.com.my



### Penulis

ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM